



RAHSIA BIO GREENO

TEMBUSI PASARAN

ANTARABANGSA

PEMASAR TUNGGAL KIMA EMAS KE SELURUH DUNIA

Penasihat Kesihatan dan Produk Bio Greeno, Dr. Zulkifli Ahamat



Presiden Bio Greeno, Dr. Eng Wee Sian



Diabetes, sakit jantung, kegagalan fungsi buah pinggang, masalah penghadaman dan sebagainya akan membuatkan pesakit cukup menderita. Bagaimanapun, masih terdapat gejala yang membuatkan penyakit-penyakit ini berupaya dicegah sekiranya rawatan awal diberikan.

Hal ini berbeza dengan hati. Organ ini boleh dikatakan unik kerana masih mampu berfungsi seperti biasa meskipun mengalami 70 hingga 80 peratus kerosakan sel. Empunya hati yang separuh rosak juga tidak mengalami rasa sakit disebabkan tiada saluran saraf melalui hati.

Justeru, pesakit biasanya hanya mengetahui hati mereka sudah rosak setelah keadaan benar-benar kritikal. Tidak hairanlah, penyakit hati seperti hepatitis, sirosis, hati berlemak, tumor dan kanser hati diibaratkan sebagai pembunuh senyap oleh Profesor Masso Omata dari Fakulti Perubatan Universiti Tokyo, Jepun.

Begitu pun, kemerosotan fungsi hati sebenarnya masih dapat dikesan menerusi simptom tertentu. Antaranya berasa mudah cemas, sukar menumpukan perhatian dan lambat membuat tindakan, sering rasa tertekan dan muram serta mudah berasa letih dan tidak bersemangat.

Seseorang yang mengalami masalah hati juga kemungkinan mengalami masalah sukar untuk tidur (insomnia), libido seks yang menurun, tidak mempunyai selera makan, menghadapi masalah sembelit dan nafas berbau. Malangnya, penyakit hati tidak melibatkan kesakitan jadi kesemua simptom biasanya dibiarkan begitu sahaja.

HANYA MAKAN ALGA

Penyakit hati menjadi ancaman besar kepada masyarakat Timur berbanding Barat kerana faktor corak pemakanan. Menurut statistik dikeluarkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), 67 peratus daripada penghidap hepatitis B merupakan orang Asia.

Seperti mana-mana penyakit pun, mencegah adalah lebih penting daripada mengubat. Bagi hati, organ ini juga memerlukan nutrisi tertentu untuk menjaga kesihatan dan menguatkan fungsinya.

Hasil penyelidikan oleh Universiti Tzu Chi bersama Kerajaan Hua Lian, Timur Taiwan, kima (sejenis siput yang dipanggil etak di negara kita) didapati mempunyai khasiat yang baik untuk hati. Dinamakan kima emas, kajian yang dijalankan pada 15 Ogos 1992 hingga 15 Ogos 2003 ini turut mendedahkan, ekstrak kima memberi kesan ketara terhadap jantung, buah pinggang dan pankreas.

Bagaimanapun, kima emas yang dimaksudkan tidak pula dikutip sebarang sebaliknya diternak secara rapi di kawasan penternakan air tawar semulajadi di Hua Lian. Kima emas ini bukan sahaja berada dalam persekitaran mata air semula jadi malah makanannya hanyalah alga hijau organik. Hasilnya, ekstrak kima emas ini mempunyai keistimewaan tersendiri.

Apa yang membanggakan, ekstrak kima emas ini dijadikan produk oleh sebuah syarikat tempatan yang mendapat hak eksklusif untuk memasarkannya di seluruh dunia, iaitu Bio Greeno Sdn Bhd. Dinamakan Golden Clam, produk ini sudah pun menembusi pasaran Singapura, Brunei, Thailand, Indonesia, Hong Kong dan India.

Keistimewaan Golden Clam adalah ekstrak daripada 100 kima emas 'dimampatkan' ke dalam sebiji Golden Clam. Ia turut **LIHAT MUKA 6**



“ Hasil penyelidikan oleh Universiti Tzu Chi bersama Kerajaan Hua Lian, Timur Taiwan, kima (sejenis siput yang dipanggil etak di negara kita) didapati mempunyai khasiat yang baik untuk hati.

